

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENI BINA PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

**APRIL 1999**

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir ini yang disediakan

Oleh

**MAZWANI BINTI MOHAMED**

Bertajuk

**KAJIAN PENYEDIAAN PUSAT PERKHIDMATAN  
DI GOMBAK KUALA LUMPUR**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk  
memperolehi Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Penyelia

Puan Hazlina Hamdan

Koordinator

Puan Hafazah Abd Karim

Ketua Kursus

Puan Fatimah Yusof

## PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI PENYAYANG  
Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya telah  
membolehkan saya untuk menyiapkan kajian akhir ini. Di sini saya mengambil  
kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada Penyelia  
iaitu Puan Hazlina Hamdan kerana telah membimbing dan memberi tunjuk ajar di  
dalam penyediaan kajian akhir ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada kakitangan Bahagian Perancang &  
Kawalan Bangunan dan Jabatan Pelan Induk yang telah memberikan kerjasama dalam  
penyediaan kajian akhir ini. Untuk semua pensyarah yang telah memberikan  
pengetahuan dan ilmu yang tidak ternilai sepanjang tempoh pengajian dijalankan,  
semoga segalanya dibalas dengan kebaikan

Bagi rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu dalam memberikan pendapat  
serta kritikan spontan untuk menyiapkan kajian akhir ini amatlah dihargai dan segala  
pengorbanan kalian tidak akan dilupakan dan begitu juga khasnya buat seluruh ahli  
keluarga abah, emak, kakak, abang dan adik-adik yang telah memberikan dorongan,  
membantu serta memberi semangat hingga ke akhir ini. Terima kasih juga bagi  
mereka yang tidak disebutkan namanya dalam membantu untuk menjayakan kajian  
akhir ini dan semua pertolongan ini diberi ganjaran dan rahmat dari Nya.

## ABSTRAK

Kawasan pusat bagi sesuatu petempatan adalah penting dirancang dengan baik dan sempurna. Ini kerana sebuah pusat menjadi titik tumpuan penduduk. Manusia mempunyai kehendak yang pelbagai bagi memenuhi keperluan di kawasan perkhidmatan agar ianya dapat memuaskan kehidupan harian. Pembangunan serta kemajuan sesebuah pusat perkhidmatan ini adalah penting sebagai sumber tarikan bagi penduduk yang berhampiran dengan kawasan sesebuah pusat petempatan.

Aktiviti perniagaan yang dijalankan menjadi salah satu sumber tarikan di mana masyarakat umum pada dasarnya lebih berminat ke arah aktiviti ekonomi yang pelbagai di mana pilihan banyak dapat dilakukan. Pusat perkhidmatan merupakan salah satu pusat bagi penumpuan penduduk dalam kawasan tadahan satu unit kejiranan. Pusat perkhidmatan ini juga merupakan satu hierarki yang telah umumnya dikenali sebagai pusat petempatan kecil.

Kawasan tadahan terbentuk hasil daripada keperluan penduduk yang memerlukan barang serta perkhidmatan yang mana kemampuan penduduk untuk sampai ke kawasan pusat perkhidmatan. Kajian yang dijalankan ini adalah mengenai penyediaan pusat perkhidmatan. Kajian ini adalah untuk mengetahui perkembangannya dan mengenalpasti pemakaian gunatanah pembangunan serta keadaan fizikal yang menyentuh kepada aspek dan aktiviti perniagaan yang diusahakan.

Akhir sekali mengemukakan cadangan-cadangan yang dapat membentuk semula pembangunan di kawasan kajian berdasarkan kepada masalah-masalah yang telah timbul dan menjadikannya sebagai sebuah pusat perkhidmatan yang dapat menjalankan perkhidmatannya dengan berjaya dan dapat dijadikan sebagai satu model kepada pusat-pusat perkhidmatan yang lain di sekitarnya.

Kemajuan yang dicapai akan dilihat dimana pembentukan pembangunan yang berlaku akan mengubah corak pusat perkhidmatan yang sediada. Oleh yang demikian kawasan pusat penyediaan pusat perkhidmatan ini seharusnya berada ditahap yang baik dan perlu kepada pembangunan yang ditetapkan terhadap kawasan sekitar.

Pada keseluruhannya, kajian akhir ini dihasilkan untuk membentuk semula pusat perkhidmatan yang telah wujud lama di kawasan Gombak dan menjadikannya sebuah pusat perkhidmatan dan menjadi titik tumpuan masyarakat disekelilingnya.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	ix
Senarai Gambarfoto	x
Senarai Lampiran	xi
Senarai Singkat Kata	xii

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	ms
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Kenyataan Masalah	2
1.3 Tujuan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Pemilihan Kawasan Kajian	6
1.7 Pendekatan Kajian	7
1.8 Carta Alir Kerja	11
1.9 Jadual Kerja	12
1.10 Rumusan	13
<b>BAB 2 KAJIAN TEORITIKAL</b>	ms
2.1 Pendahuluan	14
2.2 Definisi Perkhidmatan	15
2.3 Definisi Pusat Perkhidmatan	15
2.4 Teori Pusat Perkhidmatan	16
2.4.1 Konsep Asas Teori Perkhidmatan	19

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Sesebuah kawasan petempatan yang telah berlaku pembangunan memerlukan sebuah pusat perkhidmatan. Pusat perkhidmatan ini akan menawarkan pelbagai jenis barang dan perkhidmatan kepada pengguna. Disamping itu pusat perkhidmatan juga dapat dijadikan sebagai pusat tumpuan kepada penduduk dan masyarakat setempat.

Penyediaan pusat perkhidmatan ini dapat berperanan sebagai tunggak atau tunjang dalam pembangunan sesebuah kawasan. Malah keadaan ini juga dapat dikatakan sebagai satu pemangkin kawasan sekitar yang sangat penting dalam mewujudkan pusat perkhidmatan yang berjaya kerana mendapat sambutan dan tumpuan daripada orang ramai.

Perkara yang perlu dilihat dan dikaji ialah kejayaan dan sejauh mana pusat perkhidmatan tersebut mendapat sambutan daripada pengguna dan ianya memberikan keuntungan kepada peniaga yang menawarkan perkhidmatan dan barang mereka disitu. Pusat perkhidmatan yang maju akan meningkatkan taraf ekonomi kawasan tersebut dan juga keadaan pembangunan fizikalnya dapat dijadikan sebagai salah satu faktor yang penting bagi kewujudan pusat perkhidmatan.